
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Second Semester Examination
Academic Session 2006/2007

April 2007

**RPK 332 – Rekabentuk Bandar
(Urban Design)**

Masa: 2 jam
(Duration: 2 hours)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

*Please check that this examination paper consists of **NINE** printed pages before you begin the examination.*

Arahan: Sila jawab **SEMUA** soalan di **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab hanya **TIGA (3)** soalan di **BAHAGIAN C**. Jawab Semua soalan Objektif **Bahagian A** dengan menggunakan kertas OMR yang dibekalkan.

Instructions: Answer **ALL** questions in **SECTION A** and **B**. Answer only **THREE (3)** questions from **SECTION C**. Answer All Objective questions in **Section A** using OMR sheet provided.

...2/-

BAHAGIAN A : Soalan ObjektifJawab **SEMUA** soalan (soalan 1 hingga 20)

1. Ibukota Empayar Romawi dipindahkan ke lokasi baru iaitu Konstantinople dari Kota Rom kerana _____.
 - (a) kalah peperangan
 - (b) penyebaran agama Kristian
 - (c) masalah kesesakan
 - (d) pembangunan informal
 - (e) bencana alam

2. Rekabentuk kota Romawi ini dibangunkan berasaskan konsep 'Cardo dan Decumanus' iaitu _____.
 - (a) Siena
 - (b) Tingad
 - (c) Palmanova
 - (d) Venice
 - (e) Genoa

3. Berikut ialah ciri-ciri rekabentuk Bandar Zaman Renaisans (sila beri jawapan paling tepat) iaitu _____.
 - (a) geometri ringkas
 - (b) geometri formal
 - (c) geometri linear
 - (d) geometri berpaksi
 - (e) geometri kompleks

4. Rekabentuk Bandar George Town mempunyai ciri-ciri rekabentuk Bandar _____. (sila beri jawapan yang paling tepat)
 - (a) Zaman Pertengahan Eropah
 - (b) Zaman Yunani
 - (c) Zaman Romawi
 - (d) Zaman Renaisans
 - (e) Zaman Revolusi Industri

5. Rekabentuk Kubu 'Fort Cornwallis' mempunyai stail rekabentuk kubu pertahanan _____.
 - (a) Zaman Pertengahan Eropah
 - (b) Zaman Yunani
 - (c) Zaman Romawi
 - (d) Zaman Renaisans
 - (e) Zaman Revolusi Industri

6. Di antara berikut, yang manakah adalah kualiti rekabentuk bandar?
- I. berfungsi
 - II. teguh
 - III. menarik
 - IV. mudah
- (a) I dan II
 - (b) I, III dan IV
 - (c) I, II dan III
 - (d) I, II, III dan IV
7.tiada seorang pun boleh menjalankan sebarang pembangunan kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa perancangan.....
- Klaus yang tersebut di atas terdapat di dalam:-
- (a) Akta Kerajaan Tempatan
 - (b) Akta Bangunan, Peparitan dan Jalan 1974
 - (c) Akta Perancangan Bandar dan Desa 172
 - (d) Kanun Tanah Negara
8. Cukai pintu dikutip oleh:-
- (a) Kerajaan Persekutuan
 - (b) Kerajaan Negeri
 - (c) Pihak Berkuasa Tempatan
 - (d) Majlis Daerah
9. Cukai tanah dikutip oleh:-
- (a) Kerajaan Persekutuan
 - (b) Kerajaan Negeri
 - (c) Pihak Berkuasa Tempatan
 - (d) Lembaga Pembangunan Wilayah
10. Syarikat atau orang perseorangan memerlukan lesen pemaju daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekiranya mahu membina rumah melebihi.
- (a) 4 unit
 - (b) 5 unit
 - (c) 10 unit
 - (d) 20 unit

11. Transformasi perbandaran melibatkan proses-proses berikut **KECUALI**:-
- (a) Menaikkan taraf bandar kepada Bandaraya
 - (b) Pembangunan semula bandar lama
 - (c) Penzonan gunatanah
 - (d) Pemuliharaan kawasan sejarah dan warisan
12. Berikut adalah kesan daripada pembentukan bandar oleh agensi swasta, **KECUALI**:-
- (a) Mewujudkan komuniti kelas , rendah, menengah dan atasan
 - (b) Kawasan Taman Perindustrian
 - (c) Bandar berasaskan institusi dan pentadbiran
 - (d) Bandar berasaskan taman untuk golongan pendapatan rendah
13. Jawapan tepat bagi Bandaraya ASEAN yang mempunyai imej dan karektor tersendiri, **KECUALI**:-
- (a) Bangkok – Menam Chao Phraya
 - (b) Phnom Penh – Angkor Watt
 - (c) Jakarta - Kota Lama Ayuthia
 - (d) Melaka – Kota Melaka
14. Pemaju-pemaju terlibat secara langsung dalam pemajuan bandar bagi melaksanakan tugas-tugas berikut:-
- (I) Pembinaan Bangunan Utama
 - (II) Penyediaan Infrastruktur dan servis
 - (III) Meluluskan Pelan Teknikal
 - (IV) Pengurusan Perunding Teknikal
- (a) I dan II
 - (b) I, II dan III
 - (c) I, II dan IV
 - (d) II dan IV
15. Implikasi kepada pembangunan semula bandar dan impak kepada rekabentuk adalah:-
- (a) Perubahan konsep senibina dan kekalkan kawasan sejarah sahaja.
 - (b) Perubahan struktur gunatanah , kegiatan ekonomi dan bentuk perbandaran.
 - (c) Imej dan karektor bandar tidak dikekalkan tetapi tambah yang baru
 - (d) Pemilikan tanah bandar dikuasai kerajaan sahaja dan bentuk bandar dikawal.

- 5 -

16. Negara ASEAN mempunyai destinasi pelancongan yang menarik di bandar-bandar mereka. Namun begitu kekurangan ketara bagi menyokong bandar tersebut ialah:-
- (a) Penduduknya yang benci kepada pelancong luar
 - (b) Infrastruktur fizikal dan kemudahan awam yang rendah mutunya
 - (c) Bandaraya mereka tidak terkenal di peringkat antarabangsa
 - (d) Rekabentuk bandar yang tidak tersusun.
17. Merekabentuk bandar baru atau pembangunan semula melalui proses berikut:-
- (a) Tema – Rekabentuk – Ilusi dan Ide – Kenalpasti Komponen
 - (b) Kenalpasti Komponen – Rekabentuk - Ilusi dan Ide – Implimentasi
 - (c) Tema – Kenalpasti Komponen – Ilusi dan Ide – Rekabentuk
 - (d) Ilusi dan Ide – Implimentasi – Rekabentuk – Tema
18. Cari ciri-ciri persamaan yang hampir tepat bagi kenyataan berikut:-
- (a) Pulau Pinang – Pulau Tioman
 - (b) Hong Kong – Pulau Pinang
 - (c) Kuala Lumpur - Georgetown
 - (d) Kuala Perlis – Johor Baharu
19. Pemaju MK Land bila mewujudkan bandar perlu mengambilkira salah satu masalah berikut:-
- (a) Pesaing (competitor) yang lebih terkenal dan 'established'
 - (b) Samada Kerajaan akan membantu atau tidak.
 - (c) Perunding yang akan merebentuk
 - (d) Gaji kepada pekerja dan perunding
20. Aspek persamaan antara Bandar Botanic dan Bandar Bukit Jelutong adalah:-
- (a) Pembangunan di tanah tinggi
 - (b) Perumahan konsep resort
 - (c) Berasaskan bandar taman dan lanskap
 - (d) Bandar moden untuk golongan elit

(20 markah)

...6/-

Bahagian B: Jawab **SEMUA** soalan.
SECTION B: Answer **ALL** questions.

1. Rekabentuk Bandar George Town dibangunkan berdasarkan grid informal. Terangkan **Dua (2)** sebab utama kenapa ia berlaku sedemikian rupa?

*The design of George Town was developed, based on the informal grid. Give **Two (2)** main explanations, why this happened?*

(5 markah/marks)

2. Jelaskan maksud "Form follows Function".

Explain the meaning of Form follows Function.

(5 markah/marks)

3. Berikan **Dua (2)** perbezaan antara Bandaraya Bangkok dan Phnom Penh dari aspek berikut:-

- (a) Sistem lalulintas
- (b) Kemudahan bagi pelancongan bandar

*Give **Two (2)** differences between the city of Bangkok and Phnom Penh in the following aspects of:-*

- (a) *The traffic system*
- (b) *Facilities for urban tourism*

(5 markah/marks)

4. Senaraikan **Lima (5)** halangan yang akan dihadapi oleh pemaju dalam penglibatan mereka semasa pemajuan dan pembentukan bandar.

*List out **Five(5)** constraints that have to be faced by developers during their involvement in development and urban design.*

(5 markah/marks)

- 7 -

Bahagian C: Jawab TIGA (3) soalan sahaja.
Section C: Answer THREE (3) questions only.

5. Kota Miletus merupakan bandar pertama yang dibangunkan berasaskan rekabentuk 'gridiron' dalam sejarah rekabentuk bandar Eropah. Terangkan:-
- (a) Kenapa bandar ini mempunyai rekabentuk sedemikian rupa, dan siapa yang bertanggungjawab mengesyorkannya.
 - (b) Tiga kebaikan rekabentuk ini kepada penduduk dan pihak berkuasa bandar ini.

In the history of European urban design, Miletus City was the first city planned based on gridiron design. Explain.

- (a) *Why did this city planning has that design and who was responsible to suggest such a design?*
- (b) *Three advantages of this design to the people and authority of this city.*

(20 markah/marks)

6. Huraikan hubungan sistem kapitalisma oleh orang-orang British di George Town dengan pembangunan tebusguna tanah di bandar tersebut. Kenapa ia berlaku?

Elaborate briefly the linkages between the British capitalist system in George Town with the land reclamation development in this city. Why does this happen?

(20 markah/marks)

...8/-

7. Huraikan **Empat (4)** ciri-ciri yang diperlukan untuk mencapai kepelbagaian kejiranan (campuran aktiviti) seperti yang diterangkan oleh Jane Jacobs di dalam bukunya "The Death and Life of Great American Cities".

*Describe **Four (4)** necessary characteristics to achieve proper neighborhood diversity (urban grain) as highlighted by Jane Jacobs in her book "The Death and Life of Great American Cities".*

(20 markah/marks)

8. Dua faktor penting telah meletakkan sesebuah syarikat pemaju itu berjaya dan terkenal kedudukannya di kalangan pemaju-pemaju lain di Malaysia dalam peranan pembentukan bandar, iaitu:-

- (a) Rekabentuk sebagai identiti dan lambang kemahiran syarikat.
- (b) Keupayaan syarikat mencerminkan imej korporat

Bincangkan **Dua (2)** faktor ini secara ringkas.

Two main factors that have contributed to the success and its well known position amongst the developers in Malaysia for the contribution of urban design, namely:-

- (a) *The Design as the identity and firm's expertise.*
- (b) *Firm's capability reflects the corporate image.*

*In summary, discuss **Two (2)** factors*

(20 markah/marks)

- 9 -

9. Bincangkan perbezaan dari aspek aktiviti ekonomi, agihan dan susunan gunatanah, konsep pembangunan dan senibina bangunan bagi bandaraya dan pembangunan berikut :-

(a) Antara Kuala Lumpur dan Georgetown.

ATAU

(b) Antara Bandar Bukit Jelutong dan Bandar Botanic.

Discuss the differences in term of economic activities , land use distribution, development concept or the architecture between these cities or development:-

(a) *Between Kuala Lumpur and Georgetown.*

OR

(b) *Between Bukit Jelutong Township and Bandar Botanic.*

(20 markah/marks)

-ooo O ooo-